



## **Kisah Hidup Raja Perlis Dirwayatkan Dalam Konsert Nostalgia Seni Diraja**

**K**isah hidup Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail sejak zaman bayi telah dirwayatkan dalam Konsert Nostalgia

Seni Diraja yang berlangsung di Dewan 2020 di sini. Konsert anjuran kerajaan negeri Perlis yang dikelolakan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu diadakan sempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Raja Perlis ke-66.

Persembahan lakonan oleh kira-kira 30 pelakon terdiri daripada kakitangan dan pelajar UniMAP termasuk jemputan khas, seniman veteran Datuk Mustaffa Maarof itu membawa latar kehidupan baginda sejak dilahirkan sehingga zaman remaja dan menyertai pasukan tentera sehingga bergelar Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Lakonan diselang seli dengan nyanyian lagu-lagu kegemaran Baginda termasuk oleh penyanyi tersohor Datuk Yusni Hamid.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis, DYMM Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, DYT M Canselor UniMAP dan DYT M Raja Puan Muda Perlis serta keutamaan negeri yang lain.